

TEKS UCAPAN
Y.BHG. PROF.DATUK DR. AHMAD YUSOFF BIN HASSAN
NAIB CANSELOR
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

**MAJLIS PENYERAHAN WATIKAH PELANTIKAN
MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR (MPP) 2012/2013**

3 Oktober 2012 (12.00tgh – 2.00ptg)
Auditorium Canselor

1 | Page

Bismillahirrahmanirrahim
Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh & Salam Sejahtera

Y.Bhg. Prof. Dato' Dr. Mohamad Kadim bin Suaidi,
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

Y.Bhg. Prof. Ir. Dr. Mohd Jailani bin Mohd Nor,
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)

Y.Bhg. Engr. Prof. Dr. Marizan bin Sulaiman,
Penolong Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)

Y.Bhg. Prof. Dr. Muhammad Ghazie bin Ismail,
Penolong Naib Canselor (Jaringan Industri & Masyarakat)

2 | Page

Yang dihormati barisan Kepimpinan Majlis Perwakilan Pelajar sesi 2012/2013 yang diketuai oleh Saudara Muhamad Noor Rushdan bin Abdullah bersama barisan MPP yang baru dilantik

Yang diraikan Saudara Ahmad Saufi bin Ahmad Jawahir, mantan Yang Dipertua Majlis Perwakilan Pelajar dan Barisan Kepimpinan MPP 2010/2012

Pegawai-pegawai kanan Universiti

Hadirin hadirat yang dihormati sekalian

3 | Page

1. Alhamdulillah, syukur kepada Allah SWT kerana dengan limpah dan kurniaNya, kita dapat dipertemukan dalam satu majlis untuk meraikan pelantikan Ahli Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) sesi 2012/2013. Semoga dengan adanya penyerahan watikah pelantikan ini sebagai satu simbolik kepada usaha yang lebih bersemangat untuk menyandang tanggungjawab yang telah diamanahkan.
2. Saya juga mengambil kesempatan mengucapkan syabas dan **tahniah kepada Pejabat Hal Ehwal Pelajar & Alumni dengan kerjasama pihak Fakulti** kerana telah menjalankan tanggungjawab untuk memastikan pilihan raya yang dikendalikan berjalan dengan baik tanpa ada insiden yang

4 | Page

tidak diingini berlaku. Saya ingin merakamkan **ribuan terima kasih kepada kepimpinan Majlis Perwakilan Pelajar Sesi 2011/2012** yang telah diterajui oleh Saudara Ahmad Saufi bin Ahmad Jawahir bersama barisan Exco beliau. Sesungguhnya pihak Universiti amat berbangga dengan khidmat bakti dan sokongan yang diberikan dalam membantu pihak Pengurusan menyelesaikan beberapa isu yang pada masa kini dapat ditangani secara telus dan kolektif.

3. Justeru, kepada mantan MPP dan barisan Exco diharapkan pengalaman yang diperolehi dapat dimanfaatkan sepenuhnya dalam meniti kehidupan masa hadapan. Kongsikanlah pengalaman berharga ini dan kaedah pengurusan terbaik yang

5 | Page

pastinya akan diteladani oleh barisan kepimpinan MPP yang baru.

Hadirin sekalian,

4. Saya suka berkongsi beberapa input tentang pengendalian urusan pemilihan MPP yang telah dijalankan. Untuk pilihan raya kali ini, sebanyak **11 buah pusat pembuangan undi** telah dibuka melibatkan Fakulti, Makmal dan Persatuan Pelajar. Saya percaya dengan adanya lokasi-lokasi yang strategik ini telah memudahkan para pelajar untuk melakukan proses pembuangan undi. Sebanyak **28 kerusi yang dipertandingkan** di UTeM dengan pecahan 20 kerusi Fakulti dan 8 kerusi Umum. Keputusannya iaitu **14 Menang Tanpa Bertanding**

6 | Page

iaitu 13 Kerusi Fakulti dan 1 Kerusi Umum. Manakala peratusan yang keluar mengundi di kalangan pelajar **prasiswa** iaitu **70.89%** dan menjadi **65.11% apabila melibatkan pelajar pasca-siswazah**. Kesedaran untuk menjalankan tanggungjawab ini masih perlu dilakukan untuk memastikan hak dan keperluan para pelajar di Universiti terjamin dan terpelihara.

5. Syabas dan tahniah saya ucapkan kepada semua pelajar yang telah berjaya dipilih sebagai barisan MPP kali ini kerana telah meraih kepercayaan daripada rakan-rakan anda, warga pelajar UTeM sebagai wakil menyuarakan idea serta berkongsi pandangan yang sangat diperlukan oleh pihak Pengurusan

7 | Page

Universiti. Terdapat juga di beberapa Universiti lain yang mana pilihan raya mereka terpaksa dijalankan semula atas faktor-faktor yang tidak dapat dielakkan.

Hadirin yang dikasihi sekalian,

6. Majlis Perwakilan Pelajar, MPP merupakan sebuah badan pelajar yang ditubuhkan di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971. Fungsi utama penubuhan MPP adalah untuk menjadi agen perantaraan antara dua pihak, iaitu pihak Pengurusan Universiti dan pihak pelajar khususnya berkaitan kebijakan dan keperluan pelajar. Ia juga menjadi badan yang bertanggungjawab dalam merancang dan mengendalikan

8 | Page

pelbagai aktiviti yang berfaedah bagi mewujudkan suasana kehidupan pelajar Universiti yang lebih ceria dan harmonis.

7. Justeru, saya percaya bahawa saudara dan saudari sudah maklum akan tanggungjawab dan peranan besar yang perlu dimainkan. Saya berharap agar peranan dan fungsi saudara/saudari dapat menjadi penghubung erat antara pihak Universiti dan pelajar dalam mengurus tadbir Universiti yang kita kasihi ini.
8. Masyarakat kampus mahukan ahli-ahli perwakilan yang dipilih dari kalangan mereka yang mampu menggalas peranan dan tanggungjawab sebagai pemimpin pelajar yang berkaliber serta

9 | Page

tidak lupa tugas sebenar masing-masing dtang ke Universiti untuk menimba ilmu dan berjaya. Selain itu, pemimpin yang dipilih juga harus mampu menjaga kebajikan pelajar termasuklah seperti keperluan asrama, utiliti, pengangkutan dan sebagainya.

9. Semangat musyawarah dan muzakarah harus dijadikan amalan MPP dalam meneruskan agenda kebajikan pelajar. Tidak perlu menggunakan demonstrasi dan memecah belahkan pelajar yang akhirnya merugikan saudara/ saudari. Pihak Pengurusan Universiti sentiasa membuka ruang bagi MPP untuk menyampaikan pandangan melalui saluran yang betul dan berhemah. Saya berharap agar perkara-perkara yang boleh

10 | Page

menjejasikan reputasi pelajar dan imej Universiti sentiasa menjadi perhatian dan ingatan pelajar agar ia tidak berlaku.

10. Akhir kata, sekali lagi saya mengucapkan tahniah kepada barisan kepimpinan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) sesi 2012/2013 yang dilantik. Jika terdapat sebarang masalah dalam Pengurusan, tanyalah pada mereka yang berpengalaman. Semoga kerjasama yang baik di antara pihak Pengurusan Universiti dengan MPP ini dapat diteruskan demi kebaikan semua.
11. Saya akhiri ucapan saya dengan adunan pantun buat Mantan MPP dan MPP Baru:

11 | Page

*Kuning emas masaknya padi,
Mawar merah dalam tunangan,
Terima kasih pemuda pemudi,
Budinya tuan jadi kenangan*

*Pohon berangan tempat bertemu,
Girangnya rasa si anak dara,
Berkhidmatlah tuan sambil menuntut ilmu,
Membina bangsa bangunkan negara*

Sekian, terima kasih.

Wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum wrt wbt.

12 | Page